

03 JAN 2003

Sabah-Peralihan

UMNO SABAH YAKIN PERALIHAN KEPIMPINAN BERLAKU DENGAN TERTIB

LAHAD DATU, 3 Jan (Bernama) -- Umno Sabah hari ini menyatakan keyakinan bahawa peralihan tampuk kepimpinan ekoran persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober ini akan berlaku secara tertib tanpa mencetuskan perebutan kuasa dalam parti itu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman berkata dakwaan pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kononnya akan berlaku pergolakan dalam parti itu menggambarkan betapa pemimpin parti pembangkang itu tidak memahami tradisi pemilihan pemimpin dalam Umno.

Beliau berkata Menteri Besar Terengganu itu sekadar cuba mengambil kesempatan daripada keadaan.

"Pandangan itu juga mencerminkan kepimpinan sebuah parti yang gagal membangunkan rakyat seperti di Kelantan dan Terengganu.

"Dia tidak tahu bahawa Umno mempunyai tradisi dalam memilih pemimpin dan sesiapa yang dipilih akan disokong seluruh ahli," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka anjuran bersama Umno bahagian Silam dan Felda Sahabat, kira-kira 80km dari sini.

Sementara itu beliau merakamkan penghargaan terhadap peranan Felda di Sabah yang telah membantu menyediakan peluang pekerjaan dan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Felda selaku agensi kerajaan pusat berjaya memberikan banyak ruang kepada pembangunan ekonomi rakyat. Ini juga merupakan satu bukti betapa eratnya hubungan antara Sabah dan kerajaan pusat," katanya.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri berkata Sabah tidak pernah berhadapan dengan sebarang masalah dengan agensi-agensi pusat dalam menggerakkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membangunkan negeri ini.

Beliau berkata kedudukan tanah rancangan Felda di kawasan itu yang seluas 122,000 hektar itu merupakan antara program pembangunan tanah yang terbesar di negara ini.

Ini menjadikannya satu contoh pembangunan tanah yang penting kepada kerajaan negeri dalam menjana pembangunan ekonomi berasaskan peladangan kelapa sawit.

-- BERNAMA

CFM JS ZB